

02/11/2003

Pujian media Indonesia

KUALA LUMPUR: Media Indonesia yakin Perdana Menteri Malaysia kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memainkan peranan penting ketika menyertai gelombang pemimpin generasi baru di Asia Tenggara.

Pontianak Post Online berkata, Abdullah tidak akan melancarkan perubahan drastik dalam masa terdekat ini sebaliknya akan meneruskan dasar sosial dan politik yang diasaskan Perdana Menteri sebelumnya, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun akhbar itu berkata, ujian besar yang menanti Abdullah ialah pada pilihan raya umum kerana Barisan Nasional akan berdepan dengan pembangkang seperti Pas dan Keadilan.

"Sebagai bekas Menteri Luar, Abdullah diyakini cukup mampu memainkan peranan memantapkan diplomasi luar negara. Abdullah tidak akan bersikap kontroversi," kata akhbar itu.

Pontianak Post berkata, Abdullah, 64, kini menyertai gelombang pemimpin generasi baru di Asia Tenggara kerana rakannya Perdana Menteri Thaksin Shinawatra berusia 54 tahun, Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, 56 dan Presiden Republik Indonesia, Megawati Soekarnoputri berusia 56 tahun.

Akhbar itu berkata, selain Malaysia, dalam tempoh terdekat ini negara di Asia Tenggara dan Asia Timur akan berdepan dengan pilihan raya umum.

Mengenai Mahathir, Pontianak Post berkata, ia suatu yang membanggakan kerana bekas Perdana Menteri itu berundur ketika namanya berada di puncak.

Sementara itu, Suara Merdeka memuji peralihan kuasa daripada Dr Mahathir kepada Abdullah yang berlangsung secara sempurna dan licin.

"Ia dapat dikatakan sebagai penggantian kepimpinan yang sangat teratur di dunia. Tidak ada gejolak politik dalam negeri. Tak ada pula gejolak ekonomi," kata akhbar itu.